## PERATURAN KHAS PEMBAYARAN YURAN PELAJAR BAHARU

## PROGRAM DWI IJAZAH UMP- HsKA & UMP-HsR

| BIL | PERKARA | PROGRAM DWI IJAZAH |
|---|---|---|
| 1 | Bayaran Yuran Pelajar Baharu (pelajar tempatan) | a. Semua pelajar baharu perlu membayar minima RM520 yuran pendaftaran selewatnya hari pendaftaran **DAN**<br><br>b. Bagi pelajar yang tiada penaja/pembiayaan,<br><br>i. sekurang-kurangnya RM2,000/semester sebelum cuti pertengahan semester pada setiap semester 1 dan 2<br>ii. Tempoh untuk selesaikan segala baki hutang yang belum dijelaskan adalah sehingga akhir Tahun 1 sahaja<br><br>c. Semua pelajar bukan pembiayaan sendiri perlu mencari penajaan / pembiayaan dalam tempoh semester 1 dan semester 2 (iaitu pada Tahun 1).<br><br>d. Sekiranya masih tidak mendapat sebarang penajaan/pembiayaan selepas tempoh tersebut dan pelajar masih gagal untuk menyelesaikan baki hutang tertunggak yuran Sem 1 & 2 , maka pelajar akan disekat dari mendaftar pada semester 3 (Tahun 2). Dalam hal ini, pelajar masih dibenarkan untuk menduduki peperiksaan pada semester 2. Walaubagaimanapun keputusan peperiksaan akan ditahan. |
| 2 | Menarik Diri Dari Pengajian (pelajar tempatan) | a. Pelajar baharu tidak berpenaja yang menarik diri selepas tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran dikehendaki menjelaskan semua yuran semester berkenaan dengan kadar sepertimana pelajar Ijazah Sarjana Muda program lazim yang setara<br><br>b. Pelajar kanan Tahun 1 tidak berpenaja yang mendaftar dan menarik diri selepas tempoh 14 hari selepas semester bermula dikehendaki menjelaskan semua yuran semester dengan <u>kadar sepertimana pelajar Ijazah Sarjana Muda program lazim bidang yang setara</u><br><br>c. Pelajar kanan Tahun 2 dan seterusnya (berpenaja dan tidak berpenaja) yang mendaftar dan menarik diri selepas tempoh 14 hari selepas semester bermula dikehendaki menjelaskan |

| | | |
|---|---|---|
| | | semua yuran semester dengan kadar yuran Dwi Ijazah yang ditetapkan |
| 3 | Tindakan jika gagal membuat bayaran dalam tempoh yang ditetapkan | a. Ditahan daripada membuat pra-pendaftaran dan pendaftaran sebenar kursus<br>b. Ditahan daripada menduduki peperiksaan<br>c. Ditahan keputusan dan transkrip peperiksaan<br>d. Tidak dibenarkan menghadiri konvokesyen |

- *Lain-lain peraturan adalah sama seperti yang terkandung di dalam Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Prasiswazah*

*Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali ke 33 bil 3/2017 bertarikh 14/8/2017.*

*Bahagian Kewangan Pelajar*
*Jabatan Bendahari, UMP*
*25/8/2017*